


Perkhidmatan Terjemahan Pelbagai Bahasa

Waktu Perkhidmatan Terjemahan
Isnin - Jumaat jam 9:00 pagi - 4:00 petang



KGI Life Insurance Co., Ltd menyediakan perkhidmatan terjemahan mesra untuk imigran baru. Jurubahasa akan bercakap bahasa ibunda anda, dan membantu anda mendapatkan perkhidmatan insurans dan kewangan dengan lancar.

Sila buat tempahan dua hari bekerja lebih awal.

Contohnya, jika anda ingin menggunakan perkhidmatan terjemahan pada 10 Mei (Rabu), anda dikehendaki membuat tempahan sebelum 8 Mei (Isnin) jam 5:00 petang.

Selepas menerima mesej teks, sila pergi ke pusat perkhidmatan yang dinyatakan pada tarikh dan masa tempahan.

KGI Life akan menyediakan perkhidmatan yang berkaitan dengan polisi seperti perundingan polisi, pembayaran premium, pinjaman polisi, permohonan tuntutan, pertukaran alamat surat-menyurat atau pertukaran benefisiari, dengan menghubungi jurubahasa melalui telefon untuk membantu anda dalam terjemahan.

Tiga langkah untuk buat tempahan:

STEP 1 Membuat tempahan dua hari bekerja lebih awal.

Nombor telefon percuma: *
0800-098-889

Masa tempahan telefon:

Isnin - Jumaat jam 8:30 pagi - 5:00 petang (Saudara-mara dan rakan-rakan anda yang berbahasa Cina boleh membuat tempahan untuk anda)

STEP 2 Pemberitahuan tempahan berjaya

Selepas selesai membuat tempahan telefon, anda akan menerima mesej teks dalam bahasa ibunda anda dalam masa satu hari bekerja, memaklumkan anda tentang tarikh, masa perkhidmatan terjemahan serta alamat pusat perkhidmatan.

STEP 3 Perkhidmatan terjemahan kaunter/telefon



Service Center

Membuat tempahan untuk perkhidmatan terjemahan kaunter

Sila bawa kad pengenalan anda dan tiba di pusat perkhidmatan yang ditetapkan pada masa tempahan, dan kakitangan kami akan menghubungi jurubahasa dengan telefon untuk membantu anda.

Membuat tempahan untuk perkhidmatan terjemahan telefon**

Kakitangan KGI Life akan menghubungi anda pada masa tempahan, dan jurubahasa akan membantu anda melalui panggilan tiga hala.

* Sila berikan maklumat berikut, dan kami akan bertindak balas dengan segera: nama, bahasa, nombor kad pengenalan atau nombor kad pendaftaran asing, nombor telefon (KGI Life akan menghantar mesej teks apabila tempahan berjaya), tempat tinggal, tarikh dan masa tempahan, kandungan pertanyaan, memohon perkhidmatan terjemahan kaunter atau telefon.

** Jika anda mempunyai keperluan khas dan ingin KGI Life untuk menyediakan perkhidmatan dari pintu ke pintu, sila maklumkan apabila membuat tempahan.



Amaran Mengenai Hak dan Kepentingan Utama Untuk Pemegang Polisi KGI Life